

28/01/1998

Sokongan padu rakyat atasi gawat

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin kerjasama dan sokongan padu rakyat kepada kerajaan serta kesetiaan tidak berbelah bagi mereka, akan membolehkan Malaysia mengatasi kegawatan ekonomi.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan mempunyai cara yang akan memulihkan ekonomi negara tetapi ia memerlukan sedikit masa dan kerjasama rapat daripada rakyat, terutama peniaga.

"Jika kita tidak membuat apa-apa yang boleh merugikan hanya kerana ingin mendapat keuntungan segera bagi diri sendiri, pemulihan ekonomi akan tercapai dalam masa singkat.

"Apabila ekonomi pulih, semua pihak akan mendapat faedah daripadanya," katanya dalam perutusan Tahun Baru Cina hari ini. Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina.

Dr Mahathir berkata, walaupun negara menghadapi masalah ekonomi, masyarakat Tionghua tetap dapat menyambut perayaan Tahun Baru Cina dengan aman dan penuh gembira.

"Sambutan kali ini mungkin tidak semeriah tahun-tahun lalu tetapi suasana dan semangat perayaan tetap wujud. Saya percaya semua akan berbelanja dengan bijak ketika hari perayaan supaya peniaga tidak akan menghadapi masalah kerana penjualan terlalu berkurangan sementara perayaan kita tidak terlalu terhad," katanya.

Sempena perayaan itu, beliau meminta seluruh rakyat mengekalkan semangat toleransi tinggi dan meneruskan tradisi kunjung mengunjung rakan yang mengadakan rumah terbuka.

Masyarakat Cina akan menyambut Tahun Harimau esok. Menurut kepercayaan mereka, Tahun Harimau melambangkan kekuatan, kegagahan dan dinamik.

Sementara, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, mahu seluruh rakyat memiliki semangat Tahun Harimau bagi menghadapi kegawatan ekonomi negara sekarang.

"Saya berharap ketiga-tiga unsur penting itu akan dimiliki oleh semua rakyat supaya kita dapat berganding bahu untuk memulihkan ekonomi negara dalam jangka masa yang lebih singkat," katanya.

Menurut Dr Ling, kerajaan sudah mengambil langkah yang ketat untuk memulihkan ekonomi negara dan kini mula menampakkan kesan positif.

"Bagaimanapun, rakyat tidak harus lega dalam keadaan sebegini sebaliknya harus berusaha lebih gigih untuk memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara. Saya menyeru seluruh rakyat terus memberi sokongan kuat kepada kerajaan dan mengambil daya usaha memainkan peranan masing-masing untuk meningkatkan prestasi ekonomi negara.

"Rakyat perlu menunjukkan disiplin dan semangat patriotik dalam masa yang penting ini untuk menstabilkan keadaan," katanya sambil menasihatkan seluruh rakyat terus memupuk budaya berjimat terutama ketika musim perayaan berkembar sekarang.

"Jangan membazir sebaliknya menabung lebih banyak untuk keperluan masa depan. Pengguna juga dinasihat membeli barangan tempatan, melancong dalam negara dan menabung di bank tempatan," katanya.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dalam perutusan Tahun Baru Cina dan Aidilfitri, menyarankan rakyat Malaysia bekerja lebih keras untuk mengekalkan perpaduan.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata, mereka tidak seharusnya terlalu bimbang berikutan kemelut ekonomi sekarang, tetapi

harus terus mengadakan 'rumah terbuka' untuk mengukuhkan perpaduan kaum.

"Perpaduan penting bagi kestabilan negara. Kita tidak seharusnya membiarkan kuasa luar memusnahkan perpaduan yang telah kita bina. Perpaduan seharusnya terus kukuh bagi 1,000 tahun lagi atau lebih," katanya.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang dalam perutusan Tahun Baru Cinanya meminta rakyat bersatu padu bagi menyelamatkan ekonomi negara dan mempertahankan kebebasan ekonominya.

(END)